



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-
SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
“KUANTITI: STATUS TERKINI PROJEK-PROJEK LOJI
RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG, LOJI RAWATAN
AIR SEMENYIH 2, DAN PENAIKTARAFAN LOJI
RAWATAN AIR”**

PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR
SELANGOR (JPK-SAS), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG

“KUANTITI : STATUS TERKINI PROJEK-PROJEK LOJI RAWATAN AIR LABOHAN
DAGANG, LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2, DAN PENAIKTARAFAN LOJI RAWATAN
AIR”

1. PENDAHULUAN

- 1.1. JPK-SAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 18 Mei 2016 mengenai “Kuantiti : Status Terkini Projek-Projek Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Loji Rawatan Air Semenyih 2, dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air”.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Sebagai Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat sebarang isu yang berkaitan dengan pengurusan air di Negeri Selangor, adalah penting untuk ahli-ahli JPK-SAS memastikan supaya Kerajaan Negeri Selangor mempunyai perancangan yang sempurna untuk memastikan kuantiti air terawat di Negeri Selangor mencukupi untuk pengguna di Negeri Selangor.
- 2.2. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jawatankuasa Pemantau Air telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi tujuan di atas.

3. AHLI JAWATANKUASA

- 3.1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
ADN Damansara Utama
- 3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
ADN Bangi
- 3.3. Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam
ADN Seri Andalas
- 3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
ADN Bukit Gasing
- 3.5. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad
ADN Ijok
- 3.6. Y.B. Datuk Sulaiman bin Abdul Razak, P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N.
ADN Permatang
- 3.7. Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
ADN Bukit Melawati

4. SENARAI NAMA SAKSI DAN KETERANGAN SAKSI

- 4.1. Nama saksi-saksi yang hadir ke Pendengaran Tertutup pada 18 Mei 2016 adalah seperti di Lampiran 1.

5. KETERANGAN ISU-ISU PENTING

Ringkasan isu-isu penting adalah seperti berikut:

5.1. Loji Rawatan Air Labohan Dagang

- 5.1.1. Projek ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan Daerah Kuala Langat kepada bekalan air bersih daripada Sungai Semenyih, Sungai Selangor dan Sungai Labu. Daerah Kuala Langat menerima bekalan air bersih sebanyak 176 JLH sehingga 190 JLH yang disalurkan daripada daerah-daerah lain kerana tidak mempunyai Loji Rawatan Air.
- 5.1.2. Dengan pembinaan Loji Rawatan Air Labohan Dagang ini, 200 JLH air bersih mampu dikeluarkan. Pada kadar 200 JLH, air dalam takungan boleh bertahan selama 75 hari jika berlaku kemarau panjang dan tanpa pengambilan air dari Sungai Langat.
- 5.1.3. Kebergantungan Daerah Kuala Langat kepada bekalan air dari Sungai Semenyih, Sungai Selangor dan Sungai Labu dapat dikurangkan dan lebihan tersebut boleh diutamakan untuk penyaluran ke daerah-daerah lain. Projek ini dijangka siap pada akhir bulan Jun 2018 dan proses tender sedang berjalan.
- 5.1.4. Jurutera Perunding Zaaba Sdn Bhd telah dilantik untuk membuat kajian kebolegunaan Kolam Takungan MC 8 & MC 9 sebagai takungan punca air mentah dari Sungai Langat, Kuala Langat yang didapati mampu menyimpan maksimum 20 juta meter padu air mentah. Sekiranya air mentah disalurkan sebanyak 400 JLH daripada takungan sejumlah 15 juta meter padu air dapat bertahan selama 37.5 hari.
- 5.1.5. Air yang dirawat dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang akan dipam melalui paip MS bergarispusat 1600 mm sejauh 25 km ke Tangki Air Bukit Jugra berkapisiti 40 JL dan seterusnya disalurkan ke tangki-tangki dan sistem sedia ada di Daerah Kuala Langat, yang terdiri dari Mukim Tanjung Dua Belas, Telok Panglima Garang, Jugra, Kelanang, Bandar, Batu dan Morib.
- 5.1.6. Pembinaan Sistem Bekalan Air Labohan Dagang akan dibahagikan kepada empat (4) Pakej seperti berikut:-
 - i. Pakej A: Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra Rawatan dan Kolam Utama termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat. (Iklan telah disiarkan pada 16 Mei 2016, di Berita Harian, dokumen Tender dijual mulai 23 Mei 2016)
 - ii. Pakej B: Pembinaan Kolam Air berkapasiti 40 JL di Bukit Jugra serta Jalan Masuk ke Tangki. (Tender dijangka Jun 2016)

- iii. Pakej C: Pemasangan Paip Air MS bergarispusat 1600 mm sepanjang 25 km dari Loji Rawatan Air ke Tangki Air Bukit Jugra (Tender dijangka Julai 2016)
- iv. Pakej D: Pembinaan Loji Rawatan Air berkapasiti 200 JLH di Labohan Dagang, Kuala Langat. (Tender dijangka Ogos 2016)

5.1.7. Pelantikan kontraktor kontrak pembinaan Loji Rawatan Air ini akan diberikan pada 1 September 2016.

5.1.8. Juruukur sedang membuat kiraan terakhir untuk memastikan jumlah tanah yang diperlukan dan mengenalpasti pemilik tanah. *Alignment* mengikut jajaran jalan sedia ada di bawah Jabatan Kerja Raya harus dibuat semula kerana terdapat beberapa lokasi yang terkeluar daripada gagasan lokasi sedia ada.

5.2. Loji Rawatan Air Semenyih 2

5.2.1. Nama keseluruhan projek ini ialah Cadangan Pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2 & Kerja-Kerja Berkaitan di Jenderam Hilir, daerah Sepang, Selangor secara Reka dan Bina:

- i. Projek ini bertujuan membekalkan tambahan air bersih berkapasiti 100JLH bagi menangani kawasan-kawasan yang menghadapi masalah gangguan bekalan air di Hulu Langat, seperti kawasan sekitar Pekan Semenyih dan Beranang. Projek ini dianggarkan akan mengambil masa 579 hari atau 19 bulan. Tender ini telah dibuka pada 31 Mac 2016 dan ditutup pada 31 Julai 2016. Lapan (8) syarikat telah menyertai pra-tender.
- ii. Projek ini bernilai RM 155,500,000.00 dan lantikan kontrak telah diberikan kepada Tenaga Tiub Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak diberikan adalah pada 20 Mei 2016. Projek dijangka siap pada 19 Disember 2017, selama 19 bulan, dan tempoh kecacatan adalah selama 12 bulan yang berakhir pada 19 Disember 2018. Jaminan kontraktor terhadap rekabentuk adalah selama 5 tahun.

5.2.2. Skop kerja adalah seperti berikut:

- i. Kerja pembaikan Kolam A, Kolam B dan Kolam C termasuk pembinaan saluran air masuk, struktur air masuk dan keluar, pengeluaran kelodak (*Desilting*), paip sambungan, perlindungan sungai, perlindungan cerun kolam dan lain-lain.
- ii. Pembinaan baharu Stesen Pam untuk memindah air mentah dari Kolam B ke Kolam C.
- iii. Pembinaan baharu Muka Sauk dan Stesen Pam Air Mentah dari Kolam C ke Loji Rawatan Air baharu.
- iv. Pembinaan baharu Saluran Paip Air mentah dari Kolam C ke Cadangan Loji Rawatan Air baru.
- v. Pembinaan baharu Loji Rawatan Air dengan kapasiti 100 JLH

- vi. Pembinaan baharu Fasiliti Sisa Kumbahan Rawatan dan Kawasan Pelupusan
- vii. Pembinaan Saluran Paip Air Bersih dari Cadangan LRA Semenyih 2 ke Kolam Desa Putra
- viii. Pembinaan baru Pam Penggalak di Kolam Desa Putra

5.3. Projek Penaiktarafan Loji Rawatan Air (Projek Mitigasi 3)

- 5.3.1. Projek Penggantian Aset dan menaiktaraf lapan (8) buah rumah pam yang beroperasi melebihi kapasiti di Loji Rawatan Air di Loji Rawatan Sungai Langat. Tujuan Projek ini adalah untuk mengurangkan beban (*overstressing*) ke atas kelengkapan dan mesin rumah pam sedia ada yang kini beroperasi lebih daripada kapasiti rekabentuk. Kapasiti rekaan asal Loji Rawatan Air ini adalah untuk 360JLH, tetapi kini beroperasi pada 450-460JLH. Keputusan telah dibuat untuk meningkatkan kapasiti Loji Rawatan Air kepada 500JLH.
- 5.3.2. Bagi Projek Penggantian Aset juga, perunding yang dilantik adalah Angkasa Consultant Sdn. Bhd. dan kontraktor yang dilantik adalah Ban Hin Electrical & Construction Sdn. Bhd. dengan kontrak bernilai RM43,888,000.00. Setakat 18 Mei 2016, 28% daripada kerja-kerja penaiktarafan telah siap, di mana terdapat 3% kurang daripada jadual asal 31%. Dana yang diterima adalah 29.18%, di mana kurang 2.89% daripada dana yang diperlukan 32.07%.
- 5.3.3. Bagi Projek Menaiktaraf lapan (8) buah rumah pam, perunding yang dilantik adalah BW Perunding Sdn. Bhd. Projek ini masih di peringkat Reka Bentuk dan dijadualkan siap pada 30 Jun 2016. Kontraktor kerja masih belum dilantik, dan tender dijadualkan untuk dibuka pada Julai 2016.
- 5.3.4. Projek Menaiktaraf lapan (8) buah rumah pam adalah bertujuan untuk membantu menepati keperluan pengguna sehingga Projek Langat 2 siap. Sekiranya Loji Rawatan Air Labohan Dagang dan Projek Semenyih 2 tiada, maka bekalan air hanya dijangkakan mencukupi untuk kegunaan sehingga tahun 2021. Dengan pembinaan insfrastruktur air di atas, UPEN mengatakan bekalan air terawat mencukupi sehingga tahun 2030.
- 5.3.5. Menurut UPEN, Loji Rawatan Air yang dibina dan dinaiktaraf hanya mampu merawat air mentah sehingga kelas 3 sahaja, di mana sekiranya kualiti air mentah mengatasi kelas 3 sehingga kelas 5, maka loji-loji tersebut hendaklah ditutup. UPEN mengatakan bahawa penggunaan air kolam takungan untuk mencairkan pencemaran dalam air sungai adalah mencukupi.


6. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 6.1 JPK-SAS mendapati bahawa pembinaan Loji Rawatan Air Labohan Dagang akan mengambil masa 24 bulan, di mana dijangka bermula pada 1 Jun 2016 dan berakhir 30 Jun 2018 menurut Jawapan Dewan daripada Pertanyaan Mulut Daripada Y.B. Yeo Bee Yin pada Sidang Dewan Negeri Pertama untuk Tahun 2016. Namun begitu, tender untuk kerja-kerja berkaitan hanya bermula pada 23 Jun 2016. Maka kerja-kerja ini akan bermula lewat dan tidak mengikut jadual sepertimana yang dimaklumkan di Dewan Negeri Selangor.

6.2 JPK-SAS mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah merancang keperluan air pengguna di Selangor sehingga 2030 dan menerima baik perhatian kepada perancangan masa hadapan.

6.3 Bagaimanapun penambahbaikan haruslah dilakukan dengan segera kerana mengikut graf di bawah dalam Penyata JPK-SAS bertarikh 28 September 2015 mengenai “(Kuantiti): Pengurangan *Non-Revenue Water* (NRW), Laporan Status Kemajuan Projek Mitigasi 2 Dan Langat 2”, bekalan air bersih untuk pengguna Negeri Selangor dijangka tidak mencukupi walaupun dengan adanya projek-projek yang disenaraikan di atas (5.1, 5.2 dan 5.3).

6.3.1 Langat 2 Fasa 1 Tahap 1 (D) yang dijangka membekalkan 325 JLH tidak akan akan siap seperti yang dijadualkan di graf di bawah pada bulan Julai 2017. Oleh itu, Negeri Selangor akan mengalami masalah kekurangan air. Projek-Projek D, Projek Langat 2, Fasa 1 Tahap 2 (805JLH) (E) dan Projek Langat 2 Fasa 2 (760 JLH) (F) mengikut perkembangan terkini tidak akan siap sehingga bulan Disember 2018.



6.4 Tanpa usaha yang lebih agresif untuk menggantikan paip-paip lama untuk mengurangkan peratusan *Non-Revenue Water* (NRW) dan pemuliharaan sumber air, maka bekalan air bersih tidak akan mencukupi untuk masa akan datang.


6.5 JPK-SAS mengambil maklum bahawa salah satu sebab kelewatan Projek Penggantian Aset adalah kelewatan penyaluran peruntukan untuk menjalankan projek tersebut.

7. SARANAN JAWATANKUASA

7.1. JPK-SAS menggesa supaya Kerajaan Negeri Selangor meluluskan peruntukan yang mencukupi dalam Bajet 2017 untuk usaha-usaha agresif penukaran paip-paip dan pengurangan NRW serta apa-apa langkah yang boleh meningkatkan bekalan air terawat Negeri Selangor dalam masa terdekat. Perkara ini harus diberi perhatian dengan sangat serius oleh Kerajaan Negeri untuk mengelakkan krisis kekurangan air terawat.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Yeo Bee Yin, Pengerusi JPK-SAS dan telah dibincangkan serta diluluskan oleh Ahli-ahli JPK-SAS di mesyuarat JPK-SAS pada 28 Jun 2016.

Disahkan oleh :



Y.B. Puan Yeo Bee Yin

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor

URUS SETIA:

- | | |
|---|-----------------------------|
| 1. Puan Elya Marini binti Darmin | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| 2. Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| 3. Cik Azira binti Aziz | Penyelidik Kanan |
| 4. Cik Apsara Murale | Penyelidik |
| 5. Cik Izan binti Mohamad Taib | Pembantu Tadbir |

LAMPIRAN 1**Keterangan Saksi Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN 18 Mei 2016**

Status Terkini berhubung Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2, Projek Langat 2 dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air– UPEN

Senarai Saksi

- 1) Encik Mohd Yazid bin Sairi
Timbalan Pengarah
- 2) Puan Mazidah binti Ahmad Ramli
Ketua Penolong Pengarah
- 3) Encik Mohd Muktafi bin Sarpan
Penolong Pengarah
- 4) Tuan Haji Khairy bin Yeob
Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor
- 5) Ir. Haji Mohmad Asari bin Daud
Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor
- 6) Tuan Haji Mansor Abdul Ghani
Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor
- 7) Encik Mohamad Sarbani Che Noh
Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor

Keterangan berhubung Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang

1. Kerajaan Selangor telah melantik Jurutera Perunding Zaaba Sdn Bhd untuk membuat kajian tentang kebolegunaan Kolam Takungan MC 8 & MC 9 bersebelahan MEGA STEEL sebagai takungan punca air mentah dari Sg Langat, di Kuala Langat.
2. Takungan mampu menyimpan sebanyak 20 juta meter paduair mentah.
3. Pengambilan air mentah sebanyak 400 JLH daripada takungan sejumlah 15 juta meter paduair dapat memberi bekalan berterusan selama 37.5 hari, jika berlaku kemarau panjang tanpa air masuk dari sungai atau air bawah tanah.
4. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah kos bagi pembinaan Fasa I, Projek Bekalan Air Labohan Dagang, dengan Kapasiti Pengeluaran Air Bersih pada kadar 200 JLH.
5. Pada kadar 200 JLH air dalam takungan boleh bertahan selama 75 hari jika berlaku kemarau panjang dan tanpa pengambilan air dari Sg Langat.

6. Kedudukan kolam takungan MC8 & MC9 bersebelahan Sungai Langat di Labohan Dagang, Kuala Langat.
7. Daerah Kuala Langat tidak mempunyai Loji Rawatan Air.
8. Bekalan air bersih sebanyak 175 JLH hingga 190 JLH diterima dari daerah-daerah lain.
9. Apabila LRA Labohan Dagang beroperasi, kebergantungan kepada bekalan dari daerah lain dapat dikurangkan dan lebih daripada pengeluaran tersebut boleh diagihkan kepada daerah lain.
10. Kerja-kerja pengukuhan dan pemuliharaan kolam sedia ada sebagai kolam pra rawatan dan kolam utama (MC8 & MC9) perlu dilaksanakan.
11. Air mentah dari Sg Langat akan disalurkan ke Kolam Pra Rawatan dengan membina satu struktur muka sauk di Sg Langat. Air mentah seterusnya disalurkan melalui terusan yang dibina ke Kolam Takungan MC8 dan MC9.
12. Muka sauk bagi pengambilan air mentah untuk proses rawatan dari Kolam Takungan dibina bertentangan dengan titik air masuk dari kolam pra-rawatan lebih kurang 1.5 km. Keluasan Kolam Takungan 110 ha, dengan kapasiti 20 juta meter padu.
13. Air yang dirawat dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang akan dipam melalui paip MS bergaris pusat 1600 mm sejauh 25 km ke Tangki Air Bukit Jugra berkapasiti 40 JL dan seterusnya disalurkan ke tangki-tangki dan sistem sedia ada di Daerah Kuala Langat, yang terdiri dari Mukim Tanjung Dua Belas, Teluk Panglima Garang, Jugra, Kelanang, Bandar, Batu dan Morib.
14. Dengan pembinaan LRA Labohan Dagang ini, kebergantungan Daerah Kuala Langat kepada bekalan air dari Sg. Semenyih, Sg. Selangor dan Sg Labu dapat dikurangkan.
15. Kolam MC8 & MC 9 berkapasiti 20 juta meter padu, boleh beroperasi sejumlah 15 juta meter padu.
16. Sungai Langat mengalami fenomena pasang surut.
17. Jalan masuk ke tapak bina adalah melalui Genting Sanyen dan Jalan Semarak.
18. Jalan sedia ada diguna pakai oleh penduduk tempatan dan awam.
19. Tapak bina adalah kawasan pertanian dan penanaman sawit
20. Tiada bekalan eletrik dan bekalan air.
21. Pembinaan Sistem Bekalan Air Labohan Dagang akan di Bahagi kepada 4 Pakej seperti berikut:-
 - a. **Pakej A:** Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra Rawatan dan Kolam Utama termasuk Membina Muka Sauk di Sungai Langat serta Kerja-

Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat. (Iklan telah dibuat pada 16 Mei 2016, di Berita Harian, dokumen Tender dijual mulai 23 Mei 2016).

- b. **Pakej B**: Pembinaan Kolam Air berkapasiti 40 JL di Bukit Jugra serta Jalan Masuk ke Tangki. (Tender dijangka Jun 2016).
 - c. **Pakej C**: Pemasangan Paip Air MS bergaris pusat 1600 mm sepanjang 25 km dari Loji Rawatan Air ke Tangki Air Bukit Jugra (Tender dijangka Julai 2016).
 - d. **Pakej D**: Pembinaan Loji Rawatan Air berkapasiti 200 JLH di Labohan Dagang, Kuala Langat. (Tender dijangka Ogos 2016).
22. Keseluruhan Projek di Jangka siap pada akhir bulan Jun 2018.
23. Tapak Tangki 40 MI di Bukit Jugra akan dipasang paip 1600 mm garis pusat sejauh 25 km ke Loji Rawatan Air Labohan Dagang di Kolam MC8 & MC9.

Keterangan berhubung Pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2

1. Objektif utama pembinaan loji tersebut di atas adalah untuk membekalkan tambahan air bersih bagi menangani kawasan-kawasan yang menghadapi masalah gangguan bekalan air di Hulu Langat, seperti kawasan sekitar Pekan Semenyih dan Beranang.
2. Kerja pembaikan Kolam A, Kolam B dan Kolam C termasuk pembinaan saluran air masuk, struktur air masuk dan keluar, pengeluaran kelodak (*Desilting*), paip sambungan, perlindungan sungai, perlindungan cerun kolam dan lain-lain.
3. Pembinaan baru Stesen Pam untuk memindah air mentah dari Kolam B ke Kolam C.
4. Pembinaan baru Muka Sauk dan Stesen Pam Air Mentah dari Kolam C ke Loji Rawatan Air baru.
5. Pembinaan baru Saluran Paip Air mentah dari Kolam C ke Cadangan Loji Rawatan Air baru.
6. Pembinaan baru Loji Rawatan Air dengan kapasiti 100 JLH.
7. Pembinaan baru Fasiliti Sisa Kumbahan Rawatan dan Kawasan Pelupusan.
8. Pembinaan Saluran Paip Air Bersih dari Cadangan LRA Semenyih 2 ke Kolam Desa Putera.
9. Pembinaan baru Pam Penggalak di Kolam Desa Putra.
10. Tarikh tutup tender ialah 31 Mac 2016 dan tarikh tamat sah tender ialah 31 Julai 2016 (120 hari).
11. Nilai kontrak ialah RM 155.5 juta dan kontraktor projek ini ialah Tenaga Tiub Sdn Bhd. Tempoh kontrak ialah 19 bulan dan tarikh siap ialah pada 19 Disember 2017.

Keterangan berhubung Penaiktarafan Loji Rawatan Air

1. Terdapat dua buah projek di bawah penaiktarafan loji rawatan air iaitu Projek Penggantian Aset dan Menaiktaraf bagi operasi melebihi kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Langat dan Projek Menaiktaraf Lapan Buah Pam yang beroperasi melebihi reka bentuk.
2. Bagi Projek Penggantian Aset dan Menaiktaraf, jururunding projek tersebut ialah Angkasa Consultant Sdn Bhd dan kontraktor ialah Ban Hin Electrical and Construction Sdn Bhd. Pegawai penguasa ialah UPEN.
3. Bagi Projek Menaiktaraf Lapan Buah Pam, jururunding ialah BW Perunding Sdn Bhd. Projek ini masih pada peringkat reka bentuk dan dijadualkan siap pada 30 Jun 2018.
4. Kontraktor kerja masih belum dilantik dan dijadualkan dilantik pada Julai 2016.

Mesyuarat selesai.

